

02 APR 2001

Mesyuarat-Teknikal

MESYUARAT TEKNIKAL UMNO-PAS SETUJU "PENDEKATAN BARU" JAYAKAN PERTEMUAN

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Mesyuarat ketiga jawatankuasa teknikal Umno-Pas yang berlangsung hari ini bersetuju dengan beberapa "pendekatan baru" bagi menjayakan pertemuan perpaduan Melayu antara kedua-dua parti.

Jurucakap Umno ke mesyuarat teknikal itu Datuk Zainuddin Maidin bagaimanapun enggan mengulas dengan lebih lanjut mengenai "pendekatan baru" yang dipersetujui oleh kedua-dua parti itu.

"... pendekatan baru telah dibuat bagi menjayakan satu pertemuan kedua-dua pucuk pimpinan," kata Zainuddin, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, kepada media di luar Carcosa Seri Negara, tempat berlangsungnya mesyuarat teknikal ketiga itu hari ini.

Pada pertemuan selama satu jam setengah itu, Umno diwakili oleh Setiausaha Agungnya Tan Sri Khalil Yaakob, setiausaha kerja Tengku Datuk Adnan Mansor, dan setiausaha politik kepada Perdana Menteri Datuk Dasuki Ahmad.

Yang turut serta pada pertemuan itu adalah Zainuddin, bekas timbalan pesuruhjaya Pas Terengganu Ghazali Ahmad dan pengurus pentadbiran ibu pejabat Umno Abu Khamis.

Pas pula diwakili oleh Setiausaha Agungnya Nasharuddin Mat Isa, anggota jawatankuasa kerja pusatnya Dr Mohamed Hatta Ramli, setiausaha perhubungan Pas Pahang Dr Abdul Wahab Ismail, Anggota Parlimen Kuala Terengganu Dr Syed Azman Ahmad Nawawi, Pengarah Pusat Penyelidikan Pas Dr Zulkifli Ahmad dan pengarah urusan Harakah Dr Hishamuddin Yahya.

Pertemuan ketiga yang sepatutnya diadakan pada 27 Mac lepas ditangguhkan atas permintaan Pas setelah Nasharuddin memaklumkan bahawa beberapa anggota jawatankuasa itu dari pihak Pas tidak dapat hadir.

Zainuddin berkata, segala persetujuan yang dicapai hari ini akan dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti dan kedua-dua parti juga bersetuju untuk meneruskan pertemuan di peringkat jawatankuasa teknikal pada masa akan datang.

Beliau bagaimanapun tidak dapat memberikan tarikh bagi mesyuarat peringkat teknikal yang seterusnya.

Katanya, kedua-dua pihak pada mesyuarat teknikal itu juga bersetuju bahawa segala masalah yang timbul boleh diselesaikan oleh pucuk pimpinan kedua-dua parti.

"Kita tidak nampak ia (masalah) tiada jalan penyelesaian, kita nampak ia boleh diselesaikan oleh pucuk pimpinan," katanya.

Katanya pertemuan yang bermula pada 2.30 petang itu berlangsung dalam suasana yang positif dan Pas telah menunjukkan sikap bertanggungjawab bagi melihat pertemuan perpaduan Melayu direalisasikan.

Zainuddin juga berkata, soal "Amanat Haji Hadi (Awang)", royalti minyak Terengganu dan penerbitan Harakah tidak dibincangkan pada mesyuarat teknikal hari ini.

"Kita tidak banyak membincangkan soal yang boleh menimbulkan lebih banyak masalah, kita bercakap untuk mencari penyelesaian masalah dan memperkecilkan perkara yang boleh menimbulkan lebih banyak kesulitan," katanya.

Sementara itu, Nasharuddin yang ditemui berkata pertemuan hari ini berjaya menghasilkan beberapa perkara yang positif dan kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan pertemuan teknikal yang seterusnya.

Katanya Pas masih mengekalkan pra-syaratnya sebelum bersetuju untuk

mengadakan pertemuan perpaduan Melayu iaitu mengenai royalti minyak kepada kerajaan negeri Terengganu dan penerbitan Harakah.

"Kita masih mengekalkan status-quo yang perlu dikembalikan kepada Pas," kata beliau.

Pertemuan perpaduan Melayu dicadangkan pelbagai pihak pada Disember lepas dan Umno menyahut saranan itu dengan mempelawa Pas dan Parti Keadilan Nasional untuk mengadakan perbincangan.

Keadilan menolak pelawaan Umno tetapi Pas bersetuju. Bagaimanapun Pas mahu pertemuan itu membincangkan perpaduan nasional dan tidak terhad kepada perpaduan Melayu sahaja serta mencadangkan supaya agenda persidangan itu meliputi sistem kehakiman, demokrasi, ekonomi dan Islam,

Ia juga meletakkan prasyarat iaitu pembayaran semula royalti minyak kepada kerajaan Terengganu, kebenaran bagi lidah rasmi Pas, Harakah, diterbitkan dua kali seminggu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, telah menyatakan bahawa parti itu mahu membincangkan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan Melayu seperti hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam dan bahasa kebangsaan serta status raja-raja melayu.

-- BERNAMA

MHI AHH NMO